

**TALKING POINT  
SEMPENA  
PERJUMPAAN MINGGUAN BERSAMA  
PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI  
19 SEPTEMBER 2018  
DI DATARAN KEJAT UniMAP, PAUH PUTRA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI**

Rakan-rakan saya, Timbalan - timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

**KATA ALU-ALUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur kerana kita masih lagi diberi peluang oleh Allah Aza Wajalla untuk berkumpul di pagi yang berbahagia ini dalam Program Perjumpaan Mingguan Bersama Pengurusan Tertinggi Universiti.
2. Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada semua yang hadir pada pagi ini, saya berharap agar pada pagi yang indah lagi permai ini, semua warga UniMAP sihat, cergas dan cerdas dalam menjalankan tugas masing-masing.

Hadirin hadirat sekalian,

**INFO KESIHATAN**

**PERUBAHAN CUACA DAN DEMAM DENGKI**

3. Minggu ini kita akan berkongsi Info Kesihatan yang telah disediakan Pusat Kesihatan UniMAP mengenai Perubahan Cuaca dan Demam denggi.
4. Apabila tiba cuaca hujan dan panas, jumlah kes denggi akan meningkat kerana larva nyamuk aedes lebih banyak. Apabila hujan akan berlaku takungan air dan semasa panas larva tersebut akan menetas menyebabkan banyak nyamuk aedes.
5. Keadaan cuaca panas dan kering juga menyebabkan kitaran hidup nyamuk aedes daripada telur keperingkat nyamuk dewasa semakin singkat iaitu kurang dari tujuh hari, sekaligus menyebabkan populasi nyamuk meningkat.
6. Petikan daripada Bernama pada 8 Mac 2016, Ketua Sektor Penyakit Bawaan Vektor, Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan, Dr Rose Nani Mudin berkata, nyamuk aedes akan bertindak lebih aktif untuk menggigit mangsa ketika berada pada cuaca dan suhu yang tinggi.
7. Nyamuk aedes akan mengalami perubahan tingkahlaku apabila cuaca panas mendorong mereka lebih agresif menghisap darah bagi mendapatkan zat besi dan protein untuk menghasilkan telur.
8. Justeru, kita hendaklah memandang berat tentang hal ini dengan mengamalkan langkah pencegahan demam denggi seperti memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk di rumah, tempat kerja dan persekitaran dengan membuang bekas yang boleh menakung air, menutup tangki air dan bekas tadahan hujan, memastikan pasu-pasu bunga dan bekas tadahan dibuang airnya sekurang-kurangnya seminggu sekali, memastikan saliran atap sentiasa mengalir, membela ikan di dalam kolam untuk mengurangkan jentik-jentik, menggunakan semburan serangga untuk membunuh nyamuk dan mengambil langkah-langkah melindungi diri untuk mengelakkan gigitan nyamuk seperti memastikan tingkap dan pintu sentiasa ditutup.

9. Sapu ubat penghalau nyamuk pada anggota terdedah kepada gigitan nyamuk, memakai baju berwarna cerah dan berlengan panjang dan seluar panjang sewaktu keluar rumah serta memasang ubat nyamuk elektrik di kawasan tertutup.
10. Sekiranya anda atau ahli keluarga mengalami gejala seperti demam panas, sakit kepala, sakit tulang belakang, sakit sendi-sendi, loya dan muntah-muntah, sakit biji mata, atau ruam segeralah berjumpa Doktor untuk dapatkan rawatan.
11. Ingat, Demam Denggi Boleh Membawa Maut, Jadi Amalkan Langkah Pencegahan Demi Kesejahteraan Diri, Keluarga dan Komuniti !!!

Hadirin sekalian,

#### **PROGRAM YANG TELAH BERLANGSUNG**

Warga UniMAP yang saya kasihi ,

#### **MSK RAYUAN SIDANG AKADEMIK 2018/2019**

12. Alhamdulillah, semalam telah selesai proses pendaftaran bagi pelajar-pelajar rayuan Sidang Akademik 2018/2019. Untuk makluman semua, kita telah menerima seramai 393 pelajar untuk sesi kali ini.
13. Di sini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan terima kasih kepada semua jawatankuasa yang terlibat dalam memastikan pendaftaran berjalan dengan lancar.

Hadirin dan hadirat sekalian,

#### **BENCANA RIBUT PERLIS**

- 14.2 malam lepas telah berlaku ribut beserta hujan lebat melanda hampir kesemua tempat di negeri, dan difahamkan telah mengakibatkan

kemusnahan kediaman, pokok tumbang dan kerosakan fizikal premis-premis perniagaan.

15. Saya difahamkan ada juga rumah staf yang rosak akibat dari kejadian ribut ini. Di sini saya ingin menasihatkan kepada semua warga UniMAP agar sentiasa berjaga-jaga dan menjaga keselamatan diri dan keluarga. Laporkan kepada ketua jabatan atau Jabatan Keselamatan untuk kita bantu bagi meringankan beban yang ditanggung.

Hadirin dan hadirat sekalian,

### **PROGRAM YANG BAKAL BERLANGSUNG**

#### **MAJLIS PERASMIAN KOLEJ KEDIAMAN TUANKU TENGKU FAUZIAH**

16. Untuk makluman semua, minggu ini kita bakal menganjurkan 4 majlis besar bertempat di Kampus UniMAP Pauh Putra. Pertama sekali Majlis Perasmian Kolej Kediaman Tuanku Tengku Fauziah (PFI2).
17. Majlis tersebut akan disempurnakan oleh Raja Perlis, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Raja Perempuan Perlis, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Tengku Fauziah binti Almarhum Tengku Abdul Rashid.
18. Turut mencemar duli berangkat hadir Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, merangkap Pro-Canselor UniMAP.

Hadirin dan hadirat sekalian

**MAJLIS PENYERAHAN PERALATAN SUKAN BESBOL DAN PELANCARAN KLINIK SUKAN BESBOL DI PERLIS**

19. Pada sebelah petangnya akan berlangsung Majlis Penyerahan Peralatan Sukan Besbol dan Pelancaran Klinik Sukan Besbol di Perlis. Majlis Perasmian akan disempurnakan Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Canselor UniMAP.

**ANUGERAH TOKOH SISWA**

20. Sementara itu pada sebelah malamnya pula akan diadakan Anugerah Tokoh Siswa bertempat di Dewan Ilmu, Pauh Putra. Turut mencemar duli berangkat hadir Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, merangkap Pro-Canselor UniMAP. Hadir sama Menteri Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Dr Mazlee Malik.

Hadirin hadirat sekalian,

**KONVENSYEN MAHASISWA ANTI RASUAH (KOMAWAR)**

21. Satu lagi majlis yang tidak kurang menarik adalah Konvensyen Mahasiswa Anti Rasuah (KOMAWAR). Ia bakal berlangsung pada 24 September 2018 bertempat di Dewan Ilmu, Kampus UniMAP Pauh Putra.

22. Pada majlis tersebut, Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Yang Berhormat, Tuan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman bakal menyampaikan Syarahan Ikon

kepada mahasiswa UniMAP. Hadir sama pada Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Yang Berbahagia Dato' Sri Mohd Shukri Abdul. Beliau akan menyampaikan Executive Talk kepada semua peserta Konvensyen.

23. Bersempena dengan penganjuran keempat-empat majlis besar ini. Saya ingin menyeru semua warga UniMAP agar memberikan kerjasama dan berdoa agar semua majlis ini berlangsung dengan lancar, InsyaAllah.

## **PENUTUP**

24. Saya rasa cukup sahaja sampai di sini ini. Semoga perkongsian pada hari ini memberikan manfaat kepada kita semua.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.